

# Kubang Pasu sokong Dr M letak jawatan penasihat

**C**HANGLUN: Umno Bahagian Kubang Pasu menyokong supaya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya sebagai penasihat di agensi dan syarikat kerajaan termasuk Petronas, Proton dan Lera-baga Pembangunan Langkawi (Lada).

Timbalan Ketuanya, Ahmad Zaini Japar, berkata bahagian berpendapat tidak wajar Dr Mahathir terus memegang jawatan itu jika beliau sudah

tidak sehaluan dengan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Umno bahagian sependapat dengan saranan Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri yang mahu Dr Mahathir melepaskan semua jawatan berkenaan.

"Tun (Dr Mahathir) boleh menegur kepimpinan negara, tetapi mesti dibuat secara berhemah seperti se-

orang guru menegur ~~ak~~ muridnya, bukan melemparkan pelbagai tuduhan keterlaluan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Kenyataan itu dibuat bagi mewakili Ketua Umno Bahagian itu, Datuk Mohd Johari Baharum yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, yang kini berada di luar negara.

Akhbar Ahad lalu melaporkan Mahdzir menyarankan Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai pe-

nasihat Petronas, Proton dan Lada jika berhasrat untuk terus mengkritik kepemimpinan Perdana Menteri.

Sementara itu, Ahmad Zaini berkata, sebagai orang yang paling hampir dengan Dr Mahathir, Umno bahagian itu akan meneruskan usaha berjumpa bekas Perdana Menteri itu bagi memujuknya supaya menghentikan kritikan terbuka kepada Abdullah.

Di SHAH ALAM, Ketua Penera-

ngan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, kritikan Dr Mahathir mungkin tidak dapat disekat tetapi ahli parti perlu terus menyokong pucuk pimpinan pada masa ini.

"Saya rasa kita tidak berupaya suruh Dr Mahathir berhehti, tetapi yang lebih penting ialah ahli parti tunjukkan keteguhan di belakang kerajaan," katanya pada sidang media di Rumah Terbuka beliau di kediamannya.